

## Asal usul kekata silat

BERITA HARIAN, 16 May 2003, Page 16

**Asal usul kekata silat****SENI BELA DIRI****SERAMBI WARISAN****Sumbangan Taman Warisan Melayu**

OLEH

**ARIF ZAHARI**

**S**ECARA ringkas makalah lalu membentangkan bahawa pencak silat ini pada awalnya agak bersahaja dan tidak tersusun sebagai seni mempertahankan diri.

Akhirnya sesudah dihalusi daripada bentuk asalnya, ia menjadi seni mempertahankan diri yang lebih teratur.

Seterusnya ia mengalami beberapa perubahan lagi dalam evolusi perkembangannya.

Penerapan unsur-unsur penghidupan mereka seharian, tidak hanya terhad pada penggunaan alat senjata batu, bahan-bahan beracun, jerat dan perangkap serta ubat-ubatan saja, tetapi telah disenyawakan juga dengan amalan sosial dan spiritual mereka.

**Zaman tamadun**

Apabila Nusantara memasuki zaman logam, budaya hidup zaman lalu masih terus berlanjutan.

Dipercayai artifak-artifak ini bukan buatan Nusantara, tetapi dibawa masuk dari tanah besar Asia oleh pendatang-pendatang baru.

Antara artifak-artifak gangsa yang ditemui ialah jenis-jenis kapak corong, bejana; iaitu bekas air atau balang, nekara iaitu; sejenis gendang gangsa dan cenderasa, sejenis kapak pedang.

Kesemua benda perunggu ini, kecuali kapak corong tidak digunakan sebagai alat kegunaan sehari-hari, tetapi sebagai alat untuk upacara-upacara tertentu. Ia juga adalah alat yang disimpan sebagai pusaka turun temurun dan dipamerkan sebagai lambang kekayaan dan kedudukan seseorang dalam masyarakatnya.

Mungkin saja ada artifak-artifak ini yang dimiliki oleh perguruan atau guru-guru silat, tentunya ia turut digunakan dalam upacara-upacara pencak silat.

Masa beredar, zaman berlalu; evolusi pencak silat terus berlaku. Masuknya Nusantara ke dalam zaman

sejarah menjadikan pencak silat lebih bermutu lagi kerana adanya unsur-unsur baru yang turut diterapkan ke dalam ilmu pencak silat oleh pendatang dari tanah besar Asia dan benua kecil India.

## Pengaruh Jawa

Pada zaman permulaan sejarah Nusantara, Pulau Jawa menjadi pusat kebudayaan Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Tidak banyak yang diketahui mengenai sejarah awalnya selain adanya budaya hidup makhluk-makhluk dan manusia purba pada setiap peringkat prasejarah dunia.

Gerak laku pertahanan diri mereka inilah yang telah memulakan pencak silat dalam bentuk asalnya sebagai gerak bela diri satu-satunya di Nusantara.

Menurut para cendekiawan, mereka menganggap permulaan sejarah kebudayaan Pulau Jawa adalah semenjak kedatangan Adji Saka, seorang guru Brahman, yang telah melepaskan rakyat daripada belenggu raja zalim Mendang Kamulan. Rakyat yang terselamat telah meminta Adji Saka merajai Tanah Jawa.

Budaya Hindu mula diperkenalkan dan berbaur dengan budaya rakyat yang sedia ada. Maka bermulalah zaman kemajuan baru bagi Tanah Jawa.

Menurut *Kitab Tawarikh Melayu* (R.O. Winstedt, 1927):

“... pada kira-kira tahun 200 Masihi, Pulau Jawa telah sama didiami oleh orang-orang Hindu.”

Dengan itu bererti; perbauran budaya rakyat dan budaya Hindu itu telah meningkatkan budaya seni mempertahankan diri pencak silat di Tanah Jawa. Ini dapat dilihat daripada kemasukan unsur-unsur Hindu dalam adat istiadatnya, seperti penggunaan mantera-mantera, sesajen dan lain-lain.

Besar kemungkinannya perkataan pencak telah digunakan oleh penduduk tempatan pada zaman peralihan itu.

Pencak silat mula berkembang di sekitar Nusantara melalui perdagangan, penghijrahan, perkembangan jajan takluk dan lain-lain.

Untuk mendapatkan kesan-kesan asal nama silat yang digunakan oleh penduduk-penduduk Nusantara suku Melayu itu, kita singkap serba ringkas sejarah zaman bahari Tanah Andalas iaitu; Pulau Perca atau Sumatera. Semoga terdapat sesuatu yang dapat dijadikan alasan yang munasabah

tentang nama silat itu. Menurut Winstedt lagi, (kerajaan) Palembang dikenali juga dengan nama puji-pujianya Seri Vijaya dan bandarnya ialah di kuala Sungai Musi.

Dari riwayat Cina dan *Sejarah Melayu* sebagaimana yang dipetik oleh Winstedt bahawa orang-orang Cina menamakan Palembang Seri Vijaya sebagai *Shih-li Fosheh* dan *San Botsai*, sementara pedagang-pedagang Arab mengenalinya sebagai *Sarbaza*.

Seorang sami Cina, I-Tsing, telah melawat Palembang pada tahun 671 Masihi dan mendapati telah ada negeri di sana.

## Sejarah Melayu

Dari *Sejarah Melayu* yang disebut oleh Winstedt; disuratkan bahawa Perlembang (Palembang) adalah sebuah negeri di Tanah Andalas. Rajanya, Demang Lebar Daun; berasal dari anak cucu Raja Sulan. Di hulu Muara Tatang, ada sebuah Sungai Melayu namanya. Dalam sungai itu ada sebuah bukit bernama Bukit Si-Guntang terletak di hulu Gunung Mahameru.

Dari keturunan raja-raja Palembang inilah yang merajai Singapura, kemudian Melaka. Jajahan takluknya yang awal termasuklah Kampar, Siak dan Jambi; selepas itu Langkasuka, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Pulau Silan. Terdapat beberapa hal mengenai budaya Melayu sebagaimana yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu*, iaitu penggunaan bahasa 'yang dipertuan' dan 'patik' itu berasal dari kerajaan Melayu Palembang.

Tentulah banyak lagi adat-adat dan bahasa Melayu yang dibawa sama apabila anak-anak raja atau pembesar Palembang merajai atau melawati sesebuah negeri yang ditakluknya.

Begitu juga dengan adat penggunaan alat kebesaran kerajaan yang awal juga berasal dari sana, seperti penggunaan mohor kerajaan dan senjata-senjata kebesaran. Justru itu dipercayai perkataan 'silat' juga berasal dari kerajaan Melayu Palembang yang tersebar ke negeri-negeri Melayu jajahan takluknya.

Satu lagi pendapat mengenai kerajaan Melayu Palembang ialah sebagai yang dikatakan oleh Drs R Soekmono dalam bukunya *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia*, (1973).

Dalam bukunya itu, sebahagian kecil dari sejarah mengenai Sriwijaya, Soekmono mempertikai kedudukan kerajaan Melayu Palembang.

Dari *Sejarah Melayu*, kedudukan Palembang dikatakan berada di sekitaran daerah hulu Muara Tatang, Sungai Melayu, Bukit Si-Guntang Mahameru dan Padang Penjaringan. Winstedt pula dalam bukunya *Kitab Tawarikh Melayu* berkata Palembang adalah sebuah negeri atau kerajaan yang bandarnya terletak di daerah kuala Sungai Musi.

## Catatan Cina

Berdasarkan keterangan sejarah Cina dan keterangan lanjut I-Tsing serta temuan beberapa buah prasasti atau batu bersurat di daerah itu, Soekmono berkata dalam abad ke tujuh Masihi, di Sumatera telah ada kerajaan To-lang-po-hwang (Tulang Bawang) di selatan, Molo-yeu (Melayu) di Jambi dan Kinli-pi-che atau Che-lifo-che (Sriwijaya). I-Tsing berkata Sriwijaya adalah pusat ilmu agama Buddha.

Tercatat juga keterangan tentang (kerajaan) Melayu telah menjadi (sebahagian) kerajaan Sriwijaya yang telah menakluki kerajaan-kerajaan lain di Sumatera. Dari keterangan prasasti yang terukir menggunakan huruf-huruf Pallawa dalam bahasa Melayu kuno dan keterangan di atas, Soekmono berpendapat bahawa kerajaan Sriwijaya bukan di Palembang, tetapi mungkin di Minangatamwan, iaitu di daerah pertemuan Sungai Kampar Kanan dan Sungai Kampar Kiri.


Kesimpulan daripada semua keterangan yang dipaparkan mengenai Palembang, dapatlah diketahui bahawa kerajaan Palembang Sriwijaya itu adalah sebuah kerajaan Melayu yang mengamalkan budaya dan penggunaan bahasa Melayu.

Kebudayaan Melayu tersebar ke seluruh jajahan dan tempat-tempat yang dilawati serta mempunyai hubungan dengan Palembang seperti Kalimantan dan lain-lain. Sebab itulah dikatakan besar kemungkinannya perkataan 'silat' berasal dari kerajaan Melayu Palembang, di Sumatera.

Manakala penduduk Tanah Jawa tentunya telah lebih awal menggunakan perkataan 'pencak' daripada orang Melayu menggunakan perkataan silat kerana tamadun di Jawa dikatakan jauh lebih awal daripada tamadun Palembang.

**Nota:** Penulis ialah guru pesara, pandai pelbagai kerjatangan dan kurator Muzium Melayu Mini Kelab Masyarakat Kampong Ubi.

n Melayu



ama silat itu. Menurut Winstedt lagi, (kerajaan Palembang dikenali juga dengan nama puji-pujian Vijaya dan bandarnya ialah di Kuala Sungai

riwayat Cina dan *Sejarah Melayu* sebagaimana dititik oleh Winstedt bahawa orang-orang Cina di Palembang Seri Vijaya sebagai *Shih-li an San Botsai*, sementara pedagang-pedagang asingnya sebagai *Sarbaza*.

g sami Cina, I-Tsing, telah melawat Palembang tahun 671 Masihi dan mendapati telah ada sana.